



PENERIMAAN KOMUNITI TEMPATAN TERHADAP AGROPELANCONGAN: KAJIAN KES DI KAMPUNG MESILOU, KUNDASANG, SABAH

LOCAL COMMUNITY ACCEPTANCE OF AGROTOURISM: A CASE STUDY OF KAMPUNG MESILOU, KUNDASANG, SABAH

Mohamad Pirdaus Yusoh¹, Nurul Padila Arifin², Aikal Liyani Mohd Rasdi^{3*}, Nurul Aziah Ahmad⁴,
Norizan Musa⁵, Haziqah Nur Syahirah Joshep⁶

¹ Department of Tourism, Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: pirdaus.y@umk.edu.my

² Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: nurulpadila3108@gmail.com

³ Department of Tourism, Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: liyani.r@umk.edu.my

⁴ Department of Tourism, Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: nurulaziah@umk.edu.my

⁵ Department of Tourism, Faculty of Hospitality, Tourism and Wellness, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
Email: norizan.m@umk.edu.my

⁶ Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
Email: haziqahnursyahirah@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.10.2025

Revised date: 11.11.2025

Accepted date: 10.12.2025

Published date: 31.12.2025

To cite this document:

Yusoh, M. P., Arifin, N. P., Rasdi, A. L. M., Ahmad, N. A., Musa, N., & Joshep, H. N. S. (2025). Penerimaan Komuniti Tempatan Terhadap Agropelancongan: Kajian Kes di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah. *Journal of Tourism Hospitality and Environment Management*, 10 (42), 262-276.

Abstrak:

Kajian ini meneliti tahap pengetahuan dan penerimaan komuniti tempatan terhadap pembangunan agropelancongan di Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh pelancongan luar bandar dan meningkatkan kesejahteraan komuniti. Pendekatan kuantitatif digunakan dengan soal selidik berstruktur yang diedarkan kepada 50 orang responden. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif bagi mendapatkan skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan komuniti terhadap agropelancongan adalah tinggi (min = 3.70), khususnya dari segi pemahaman konsep dan aktiviti yang berkaitan. Namun begitu, pengetahuan berhubung peranan komuniti dan kaedah penyertaan masih berada pada tahap sederhana. Tahap penerimaan komuniti juga adalah tinggi (min = 4.27), menunjukkan sokongan yang kukuh terhadap pembangunan agropelancongan, kepuasan terhadap pelaksanaannya, rasa bangga terhadap penglibatan kampung, serta persepsi positif terhadap manfaat sosial dan ekonomi yang diterima. Secara keseluruhannya, keputusan ini

DOI: 10.35631/JTHER.1042017

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



mencadangkan bahawa komuniti Mesilou mempunyai asas sosial yang positif bagi pembangunan agropelancongan yang mampan. Kajian ini menawarkan implikasi penting kepada penggubal dasar, pihak berkuasa tempatan dan pengusaha pelancongan, khususnya dalam memperkukuh pendidikan komuniti, meningkatkan penyertaan penduduk setempat dan membangunkan model agropelancongan yang inklusif serta berdaya saing.

Kata Kunci:

Agropelancongan, Penerimaan Komuniti, Pengetahuan Komuniti, Pelancongan Desa, Mesilou

Abstract:

This study examines the level of knowledge and acceptance among the local community towards agrotourism development in Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah, as part of efforts to strengthen rural tourism and enhance community well-being. A quantitative approach was employed, using a structured questionnaire distributed to 50 respondents. The data were analysed using descriptive statistics to obtain mean scores and standard deviations. The findings reveal that the community's knowledge of agrotourism is high (mean = 3.70), particularly in understanding its concept and related activities. However, knowledge regarding the community's role and participation methods remains at a moderate level. The level of community acceptance is also high (mean = 4.27), indicating strong support for agrotourism development, satisfaction with its implementation, a sense of pride in the village's involvement, and perceived social and economic benefits. These results suggest that the Mesilou community has a positive social foundation for sustainable agrotourism development. The study offers significant implications for policymakers, local authorities, and tourism operators, highlighting the importance of strengthening community education, enhancing local participation, and developing inclusive and competitive agrotourism models.

Keywords:

Agrotourism, Community Acceptance, Community Knowledge, Rural Tourism, Mesilou.

Pengenalan

Sektor pelancongan merupakan antara pemacu utama ekonomi global dan nasional, dengan kapasiti mencipta peluang pekerjaan, merencanakan pembangunan sosioekonomi dan mempelbagaikan sumber pendapatan masyarakat. Di Malaysia, sektor ini terus menunjukkan prestasi kukuh pasca pandemik. Laporan rasmi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) merekodkan 29 juta ketibaan pelancong antarabangsa pada tahun 2024, menjadikan Malaysia antara destinasi pelancongan paling pesat pulih di rantau Asia. Pemulihan ini turut menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM100 bilion bagi tahun yang sama, sekali gus memperkukuh peranan pelancongan sebagai komponen penting dalam ekonomi negara.

Dalam konteks Sabah, sektor pelancongan terus berkembang sebagai penyumbang utama kepada ekonomi negeri. Menurut Sabah Tourism Board (2025), negeri tersebut menerima 2.46 juta ketibaan pelancong bagi tempoh Januari hingga Ogos 2025, mencerminkan peningkatan minat pelancong terhadap destinasi berasaskan alam, budaya dan pengalaman komuniti. Jalur ini disokong dengan data daripada Regional Tourism Satellite Account (RTSA) Sabah 2023 yang melaporkan bahawa sektor pelancongan menyumbang RM13.108 bilion kepada ekonomi negeri, mewakili 11.7% daripada Keluaran Dalam Negeri Sabah (DOSM, 2024). Selain itu,

sebanyak 320,200 pekerjaan diwujudkan dalam sektor pelancongan, menunjukkan kepentingannya sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi luar bandar.

Selari dengan perkembangan pelancongan arus perdana, sub-sektor agropelancongan semakin mendapat perhatian kerana potensinya dalam mempelbagaikan ekonomi desa dan mempromosikan warisan pertanian setempat. Agropelancongan menggabungkan aktiviti pertanian seperti lawatan ladang, demonstrasi agro, interaksi budaya, dan pengalaman pertanian langsung sebagai tarikan pelancong. Menurut Jaunis et al., (2022), agropelancongan berperanan penting dalam merangsang pendapatan luar bandar melalui peluang keusahawanan, pemeraksanaan komuniti, dan pengekalan landskap pertanian. Selain manfaat ekonomi, agropelancongan turut menyumbang kepada pemuliharaan identiti budaya tempatan serta memupuk interaksi sosial antara pelancong dan komuniti.

Kajian terkini dalam konteks Malaysia turut menunjukkan bahawa pembangunan agropelancongan dipengaruhi oleh sikap dan penerimaan komuniti tempatan. Wong Chee Hoo et al. (2024), melalui kajian agropelancongan di Seremban, mendapati bahawa faktor seperti persekitaran semula jadi, infrastruktur pelancongan, persepsi manfaat sosial dan halangan persepsi mempengaruhi sikap penduduk terhadap agropelancongan. Dapatan kajian ini mengukuhkan keperluan untuk memahami penerimaan komuniti kerana komuniti merupakan aktor utama dalam menyediakan sumber agro, tenaga kerja, interaksi budaya serta kesediaan menerima pelancong.

Di Sabah, konsep pelancongan desa dan pelancongan berasaskan komuniti semakin berkembang di destinasi seperti Kiulu, Kundasang dan kampung-kampung tanah tinggi. Menurut Laben et al. (2025), pelancongan luar bandar di Sabah bergantung kuat kepada sokongan komuniti tempatan, khususnya dalam penyediaan produk pelancongan, pengurusan homestay dan pemeliharaan budaya setempat. Kajian tersebut menegaskan bahawa penerimaan komuniti terhadap pelancongan sangat penting dalam memastikan kelestarian dan keberkesanan pembangunan pelancongan di kawasan desa.

Kampung Mesilou di Kundasang merupakan salah satu destinasi tanah tinggi yang semakin berkembang dalam agropelancongan melalui aktiviti homestay, lawatan ladang tanah tinggi, agro-interpretasi dan pengalaman budaya Dusun. Walaupun potensi agropelancongan di Mesilou semakin meningkat seiring pertumbuhan pelancongan Sabah, terdapat kekurangan kajian empirikal yang menilai penerimaan komuniti tempatan terhadap agropelancongan di kawasan ini. Penerimaan komuniti merupakan faktor penting yang menentukan keberhasilan jangka panjang kerana ia melibatkan sokongan, penyertaan dan kesediaan komuniti untuk terus terlibat dalam aktiviti pelancongan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk menilai penerimaan komuniti di Kampung Mesilou terhadap agropelancongan. Kajian ini memberi tumpuan kepada persepsi komuniti terhadap manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar agropelancongan, serta faktor yang mempengaruhi tahap sokongan mereka terhadap pembangunan sektor ini. Dapatan kajian dijangka menyumbang kepada literatur agropelancongan Malaysia dan menyediakan asas empirikal bagi merangka strategi pembangunan pelancongan berasaskan komuniti yang lebih inklusif dan lestari di Sabah.

Tinjauan Literatur

Bahagian ini membincangkan literatur berkaitan agropelancongan dan penerimaan komuniti dalam konteks pembangunan pelancongan luar bandar. Sorotan literatur ini disusun secara sistematik bertujuan memberikan asas teori dan empirikal yang kukuh untuk memahami isu-isu yang berkaitan dengan kajian ini. Secara keseluruhannya, perbincangan dalam bab ini meliputi empat komponen utama. Pertama, konsep asas dan perkembangan agropelancongan di peringkat global yang diuraikan bagi menunjukkan bagaimana sektor ini berkembang sebagai salah satu bentuk pelancongan yang penting dalam landskap pelancongan dunia. Kedua, perbincangan diteruskan dengan meneliti perkembangan agropelancongan di Malaysia, termasuk dasar, trend dan cabaran yang mempengaruhi pembangunan sektor ini di peringkat nasional.

Ketiga, peranan komuniti tempatan serta tahap penerimaan mereka terhadap agropelancongan dibincangkan dengan merujuk kepada kajian-kajian terdahulu yang menekankan kepentingan penyertaan dan sokongan komuniti dalam memastikan kelestarian pelancongan berasaskan pertanian. Keempat, bab ini merumuskan jurang penyelidikan yang wujud dalam literatur semasa dan menegaskan kepentingan menjalankan kajian penerimaan komuniti di Kampung Mesilou, Kundasang, memandangkan kawasan tanah tinggi ini masih kurang diterokai dalam konteks agropelancongan walaupun potensinya semakin meningkat.

Konsep dan Perkembangan Agropelancongan di Peringkat Global

Agropelancongan telah menjadi salah satu bentuk pelancongan luar bandar yang berkembang pesat di peringkat global berikutan peningkatan minat pelancong terhadap pengalaman autentik, pendidikan agro dan interaksi dengan landskap pertanian. Secara asasnya, agropelancongan merujuk kepada aktiviti pelancongan yang mengintegrasikan rekreasi dengan proses pertanian, agro-ekologi dan budaya desa. Menurut Jaunis et al., (2022), agropelancongan berfungsi sebagai mekanisme diversifikasi ekonomi yang menghubungkan sektor pertanian dengan pelancongan untuk menghasilkan peluang pendapatan baharu, memulihara sumber agro dan memperkukuh identiti agro-budaya.

Di peringkat global, negara seperti Itali, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat menunjukkan perkembangan agropelancongan yang signifikan. Barbieri dan Xie (2021) menjelaskan bahawa di Eropah, dasar pembangunan luar bandar Kesatuan Eropah (*EU Rural Development Policy*) telah meletakkan agropelancongan sebagai strategi penting untuk mengekalkan daya saing pertanian, mempromosikan produk tempatan dan memperkukuh hubungan desa-bandar. Di Asia, Jepun memperkenalkan model *Green Tourism* bagi memulihkan komuniti desa melalui pendidikan pertanian dan interaksi agro-budaya, manakala Korea Selatan memperkukuh konsep ladang pendidikan yang berjaya meningkatkan pendapatan petani serta penglibatan generasi muda dalam sektor agro (Kim & Lee, 2022).



Rajah 1: Destinasi Agropelancongan Di Amerika Syarikat

Sumber: Agricultural Marketing Resource Center (2021).

Pemetaan oleh Agricultural Marketing Resource Center (2021) (Rajah 1) menunjukkan taburan destinasi agropelancongan di Amerika Syarikat dan keadaan ini menggambarkan bahawa aktiviti agropelancongan berkembang secara meluas di seluruh negara, dengan jumlah yang tinggi di negeri-negeri Selatan dan Midwest seperti Texas, Florida dan Wisconsin. Taburan ratusan destinasi di beberapa wilayah ini menunjukkan bahawa Amerika Syarikat mempunyai rangkaian agropelancongan yang amat aktif dan terancang, sekali gus mencerminkan peranan penting sektor ini dalam pembangunan ekonomi luar bandar negara tersebut. Taiwan pula dikenali melalui agropelancongan teh dan kopi, seperti Xiong Kong Tea Plantation di Sanxia, Taipei yang menawarkan pengalaman agro menurut perubahan empat musim. Tanaman kopi pula berkembang melalui lokasi seperti Sialian Coffee Farm, yang masih mengekalkan kaedah pemprosesan tradisional dan dikelilingi landskap gunung di Taroko Gorge (Shimomae, 2019; Sarah, 2017). Menurut Lew (2021), Filipina turut menonjol sebagai destinasi agropelancongan, khususnya melalui ladang nenas berskala besar seperti Del Monte Pineapple Plantation. Selain itu, negara tersebut turut menawarkan pengalaman ladang lebah dan buah-buahan eksotik yang mendapat sambutan pelancong antarabangsa.

Trend global selepas pandemik COVID-19 turut menunjukkan perubahan ke arah pelancongan berasaskan alam, rekreasi desa dan aktiviti agro. Kajian Ismail et al., (2023) mendapati bahawa pelancong semakin memilih destinasi agro kerana faktor keselamatan, pembelajaran agro, kesedaran kelestarian dan tekanan untuk mendapatkan pengalaman berasaskan alam. Secara keseluruhannya, perkembangan global menegaskan bahawa agropelancongan bukan sahaja mempelbagaikan ekonomi luar bandar, tetapi juga menyokong kelestarian pertanian, memelihara budaya tempatan, dan mengukuhkan daya tahan komuniti desa.

Agropelancongan di Malaysia

Di Malaysia, agropelancongan telah menjadi salah satu komponen penting dalam pembangunan luar bandar, selari dengan usaha nasional mempelbagaikan ekonomi desa melalui integrasi antara pelancongan dan pertanian. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memperkenalkan pelbagai inisiatif untuk memperkukuh sektor ini, termasuk pembangunan taman kekal pengeluaran makanan (TKPM), program agro-edukasi, promosi produk agro, serta integrasi dengan pelancongan desa.

Kajian oleh Jaunis et al. (2022) menunjukkan bahawa agropelancongan di Malaysia berkembang dalam bentuk lawatan ladang, agro-edutourism, agro-food tourism, serta aktiviti *pick-your-own*. Perkembangan di kawasan seperti Cameron Highlands, Kundasang, dan kawasan dusun di Semenanjung Malaysia mencerminkan permintaan tinggi terhadap pengalaman agro yang berkualiti. Artikel oleh Wong Chee Hoo et al. (2024) pula mendapati bahawa faktor seperti persekitaran semula jadi, sokongan infrastruktur, kesedaran pelancong dan keterlibatan petani memainkan peranan penting dalam memastikan perkembangan agropelancongan yang lestari.

Selain itu, permintaan domestik terhadap pelancongan alam dan agro meningkat secara signifikan selepas pandemik COVID-19. Ismail et al. (2023) menyatakan bahawa pelancong Malaysia semakin memilih aktiviti berbentuk *nature-based* dan *agro-experiential* kerana ia selaras dengan perubahan gaya hidup, keperluan kesihatan mental dan minat terhadap produk tempatan. Hal ini menjadikan agropelancongan sebagai segmen penting dalam pemulihan pelancongan nasional.

Beberapa destinasi agropelancongan tersebut menyediakan aktiviti yang menarik dan berbeza untuk pengalaman pelancong yang berkunjung. Seperti Cameron Valley, mereka memberi peluang kepada pelancong untuk merasai aktiviti menunggang *all-terrain vehicle* (ATV-riding) di sekitar kawasan ladang teh (Visit Malaysia, 2020). Berbeza dengan ladang teh Boh di Brinchang dan Sungai Palas, destinasi tersebut menawarkan hidangan teh dan makanan untuk pelancong nikmati di kafe berserta pusat warisan teh yang mempunyai galeri yang menjual produk mereka. SELAIN ITU, ada beberapa juga lokasi agro pelancongan yang dikendalikan oleh agensi kerajaan seperti di MAEPS Agrotourism Park. Terdapat tujuh laman pameran yang dibuka untuk pengunjung domestik dan antarabangsa yang digelar laman herba, laman padi, laman jentera, laman sayur, laman perikanan, laman nanas dan laman ternakan (MAEPS, 2022). Selain itu, destinasi agropelancongan juga terdapat di MARDI Agro Technology Park, Langkawi. Destinasi ini merupakan destinasi agropelancongan yang amat terkenal dengan tanaman komersial buah-buahan. Mereka menyediakan bufet buah-buahan untuk dinikmati oleh pelancong serta memberi pengalaman yang seronok untuk pelancong bersiar-siar menggunakan kenderaan yang disediakan di kawasan taman (Langkawi Development Authority, 2022)

Namun, cabaran utama yang dikenal pasti dalam konteks Malaysia termasuklah kekangan infrastruktur di kawasan desa, ketergantungan kepada cuaca, kapasiti pengurusan yang terhad dan tahap profesionalisme dalam penyampaian produk agro (Jaunis et al., 2022). Oleh itu, pembangunan agropelancongan memerlukan sokongan pelbagai pihak, termasuk agensi kerajaan, petani, pengusaha agro dan komuniti setempat.

Peranan dan Penerimaan Komuniti dalam Pembangunan Agropelancongan

Komuniti tempatan memainkan peranan yang amat penting dalam memastikan kelestarian dan kejayaan pembangunan agropelancongan, khususnya di kawasan luar bandar yang bergantung kepada aktiviti pertanian dan ekopelancongan. Dalam banyak destinasi, komuniti merupakan pemilik sumber agro, penyedia perkhidmatan, penjaga warisan budaya serta penerima manfaat ekonomi dan sosial. Penyertaan mereka dalam proses perancangan, pelaksanaan dan pengurusan produk agro adalah kunci untuk memastikan projek agropelancongan diterima dan berkembang dengan baik (Laben et al., 2025). Menurut Jaunis et al. (2022), nilai tambah produk ladang seperti demonstrasi pertanian, pendidikan agro, pemprosesan hasil dan makanan

tradisional sering bergantung kepada penglibatan aktif penduduk tempatan, sekali gus meningkatkan daya tarikan dan keaslian pengalaman yang ditawarkan kepada pelancong.

Penerimaan komuniti terhadap pembangunan agropelancongan pula sangat bergantung pada persepsi terhadap manfaat dan potensi risiko. Kajian Wong et al. (2024) mendapati bahawa persepsi positif komuniti terhadap manfaat ekonomi, peluang pekerjaan, pemeraksanaan sosial dan peningkatan jaringan masyarakat menjadi faktor utama yang menggalakkan sokongan terhadap agropelancongan. Namun, kebimbangan seperti gangguan terhadap kehidupan harian, perubahan budaya, kesan alam sekitar dan penggunaan tanah turut boleh mempengaruhi tahap penerimaan komuniti. Aspek ini sejajar dengan dapatan Tola et al. (2024) yang menegaskan bahawa pemahaman mendalam terhadap sikap, persepsi dan kebimbangan penduduk tempatan sangat penting dalam memastikan kejayaan jangka panjang pelaksanaan projek agropelancongan.

Pendekatan pembangunan yang melibatkan komuniti secara bermakna bukan sekadar keterlibatan fizikal, tetapi melibatkan pemeraksanaan (*empowerment*) komuniti, iaitu memberi ruang kepada mereka untuk mempengaruhi proses membuat keputusan dan memastikan pembangunan pelancongan selari dengan nilai serta keutamaan tempatan (Yusuf & Wulandari, 2023). Dalam agropelancongan, ini melibatkan integrasi pengetahuan ekologi tradisional, adat tempatan dan amalan pertanian berasaskan pengalaman, yang sekali gus memperkukuh keaslian produk dan kelestariannya (Nkansah-Dwamena, 2023).

Selain itu, kerjasama antara pihak berkuasa tempatan dan penyedia perkhidmatan pelancongan turut menjadi elemen penting dalam meningkatkan kesedaran dan penyertaan komuniti. Mahida (2023) menunjukkan bahawa inisiatif pendidikan seperti program pendedahan kepada teknik adaptasi perubahan iklim dan promosi produk tempatan dapat memperkukuh kefahaman penduduk mengenai kepentingan sektor ini serta manfaat jangka panjang yang boleh diperolehi. Keberkesanan program sebegini menghubungkan pelancongan, kelestarian makanan dan hubungan manusia-alam secara lebih bermakna.

Penglibatan komuniti juga memberikan impak yang signifikan terhadap pemeliharaan budaya dan amalan tradisional. Aririguzoh (2022) menegaskan bahawa masyarakat peribumi dan komuniti luar bandar sering bergantung pada pengetahuan tempatan dalam mengurus sumber semula jadi, dan agropelancongan dapat berfungsi sebagai mekanisme untuk melindungi identiti budaya serta warisan pertanian. Kajian di Ghana turut menunjukkan bahawa penglibatan langsung komuniti dalam ekopelancongan serta mekanisme perkongsian manfaat meningkatkan kesejahteraan penduduk dan mengurangkan risiko peminggiran oleh pihak luar (Mulia & Narwan, 2020). Hal ini diperkukuh oleh kajian Mejías-Balsalobre et al. (2024) yang menekankan bahawa proses membuat keputusan secara inklusif merupakan syarat utama untuk memastikan agropelancongan mengagihkannya manfaat secara adil dan selari dengan aspirasi komuniti tempatan.

Secara keseluruhannya, peranan dan penerimaan komuniti saling melengkapi dalam pembangunan agropelancongan. Kejayaan sektor ini tidak hanya bergantung kepada potensi pertanian atau tarikan alam semula jadi, tetapi juga kepada sejauh mana komuniti diberi ruang, dihargai dan diperkasakan dalam proses pembangunan. Oleh itu, pemahaman terhadap keperluan, persepsi dan sikap komuniti merupakan langkah penting untuk memastikan pembangunan agropelancongan yang mapan, berdaya saing dan diterima sepenuhnya oleh

masyarakat tempatan, termasuk di kawasan tanah tinggi seperti Kampung Mesilou, Kundasang.

Metodologi dan Lokasi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi menilai tahap penerimaan komuniti terhadap agropelancongan di Kampung Mesilou, Kundasang. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data berbentuk numerikal yang objektif dan mudah dianalisis secara statistik (Creswell & Creswell, 2018; Bhattacharjee, 2012). Instrumen soal selidik digunakan sebagai kaedah utama pengumpulan data kerana keupayaannya menjana maklumat yang seragam dan efisien dalam penyelidikan sosial (Sekaran & Bougie, 2020). Soal selidik dibahagikan kepada beberapa bahagian meliputi maklumat demografi, pengetahuan, persepsi dan tahap penerimaan komuniti.

Data dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk menghasilkan statistik deskriptif seperti min, peratusan dan sisihan piawai, yang sesuai untuk menggambarkan trend penerimaan komuniti secara menyeluruh (Pallant, 2020). Kajian ini melibatkan 50 orang responden yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak mudah, di mana setiap ahli populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, sekali gus mengurangkan bias penyelidikan (Etikan & Bala, 2017). Saiz sampel ini dianggap memadai untuk kajian awal (*preliminary study*) dan bagi memperoleh gambaran asas mengenai penerimaan komuniti terhadap agropelancongan.

Kawasan kajian bagi penyelidikan ini ialah Kampung Mesilou yang terletak di Kundasang, Sabah. Berdasarkan Rajah 2, kampung ini berada di bahagian tengah negeri Sabah dalam Mukim Kundasang, Daerah Ranau. Mesilou merupakan kawasan tanah tinggi yang terkenal sebagai destinasi pelancongan desa dan pertanian beriklim sejuk. Dengan ketinggian sekitar 1,900 hingga 2,000 meter dari paras laut, Kampung Mesilou sering digelar sebagai “*The Highest and Coolest Village in Malaysia*.” Keadaan topografi berbukit, suhu sederhana sejuk dan tanah yang subur menjadikan kawasan ini sesuai untuk pertanian seperti sayur-sayuran tanah tinggi, bunga-buahan dan buah-buahan iklim sederhana.

Kedudukannya yang terletak di pinggiran Gunung Kinabalu juga menjadikan Mesilou sebuah lokasi strategik untuk pembangunan agropelancongan, disokong oleh landskap semula jadi yang menarik, budaya tempatan yang unik dan aktiviti pertanian yang aktif. Kombinasi faktor-faktor ini menjadikan Mesilou sesuai sebagai tapak penyelidikan untuk menilai tahap penerimaan komuniti terhadap pembangunan agropelancongan.



Rajah 2: Peta Lokasi Kajian di Kampung Mesilou, Kundasang Sabah

Dapatan Kajian

Kajian ini melibatkan seramai 50 orang responden daripada komuniti Kampung Mesilou, dan kesemua borang soal selidik yang dikumpulkan adalah lengkap serta sesuai untuk analisis. Dari segi jantina, penyertaan responden adalah hampir seimbang, dengan lelaki mewakili 52% ($n = 26$) dan perempuan 48% ($n = 24$), mencerminkan penglibatan komuniti yang menyeluruh tanpa dominasi ketara oleh mana-mana jantina.

Dari aspek umur, majoriti responden berada dalam lingkungan umur produktif, khususnya kumpulan umur 31–40 tahun yang mencatat peratusan tertinggi iaitu 34% ($n = 17$), diikuti oleh responden berumur lebih 51 tahun sebanyak 24% ($n = 12$). Taburan ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden terdiri daripada golongan dewasa yang aktif dalam kegiatan ekonomi dan komuniti, sekali gus relevan dalam menilai penerimaan terhadap pembangunan agropelancongan.

Bagi status perkahwinan, sebahagian besar responden adalah berkahwin (58%, $n = 29$), manakala bujang mewakili 36% ($n = 18$). Corak ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai tanggungjawab keluarga, yang berpotensi mempengaruhi pandangan mereka terhadap pembangunan agropelancongan sebagai sumber sokongan sosioekonomi. Dari segi tahap pendidikan, responden kebanyakannya mempunyai pendidikan menengah (46%, $n = 23$) dan pendidikan tinggi di IPTA/IPTS (28%, $n = 14$), manakala sebahagian kecil mempunyai pendidikan rendah atau tiada pendidikan formal. Dapatan ini menggambarkan tahap pendidikan komuniti yang sederhana, yang boleh mempengaruhi tahap kefahaman dan penerimaan terhadap aktiviti agropelancongan.

Dari sudut pekerjaan, responden didominasi oleh mereka yang bekerja sendiri (32%, $n = 16$) dan usahawan (18%, $n = 9$), mencerminkan ekonomi komuniti yang banyak bergantung kepada pekerjaan tidak formal, pertanian dan perniagaan kecil. Struktur pekerjaan ini mengukuhkan potensi agropelancongan sebagai sumber pendapatan tambahan. Selari dengan itu, majoriti responden berada dalam kategori pendapatan rendah hingga sederhana, dengan kumpulan pendapatan RM1001–1500 mencatat peratusan tertinggi (30%). Keadaan ini menunjukkan bahawa agropelancongan berpotensi memainkan peranan penting dalam meningkatkan taraf ekonomi komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, profil demografi responden menunjukkan bahawa komuniti Kampung Mesilou terdiri daripada penduduk dalam umur produktif, mempunyai latar belakang pendidikan sederhana, serta terlibat aktif dalam pekerjaan sendiri dan sektor ekonomi tempatan. Struktur sosioekonomi ini mencerminkan kesediaan komuniti untuk menerima dan menyokong pembangunan agropelancongan sebagai salah satu strategi pembangunan luar bandar dan penjana pendapatan alternatif.

Jadual 1: Profil Demografi Responden

Pemboleh ubah	Kategori	N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	26	52.0
	Perempuan	24	48.0
Umur	< 20 tahun	5	10.0
	21–30 tahun	9	18.0
	31–40 tahun	17	34.0
	41–50 tahun	7	14.0
	> 51 tahun	12	24.0

Status Perkahwinan	Bujang	18	36.0
	Berkahwin	29	58.0
	Duda/Janda/Balu	3	6.0
Tahap Pendidikan	Tiada pendidikan formal	5	10.0
	Pendidikan rendah	8	16.0
	Pendidikan menengah	23	46.0
	IPTA/IPTS	14	28.0
Pekerjaan	Sektor kerajaan	7	14.0
	Sektor swasta	6	12.0
	Usahawan	9	18.0
	Bekerja sendiri	16	32.0
	Suri rumah	2	4.0
	Pelajar	6	12.0
	Pesara	4	8.0
Pendapatan Bulanan	< RM500	12	24.0
	RM501–1000	6	12.0
	RM1001–1500	15	30.0
	RM1501–2000	4	8.0
	> RM2000	13	26.0

Tahap Pengetahuan Komuniti Tempatan Tentang Agropelancongan

Jadual 2 menunjukkan bahawa tahap pengetahuan komuniti tempatan terhadap agropelancongan berada pada tahap tinggi, dengan nilai min keseluruhan 3.70 dan sisihan piawai 0.845, berdasarkan tafsiran skor min yang mengklasifikasikan nilai antara 3.67 hingga 5.00 sebagai tahap tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umum komuniti Kampung Mesilou mempunyai kefahaman yang baik terhadap konsep dan asas agropelancongan.

Item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah “*Saya tahu aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam agropelancongan*” dengan nilai min 3.92 (SP = 0.778), diikuti oleh item “*Saya tahu apa itu agropelancongan*” dengan nilai min 3.90 (SP = 0.678). Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengetahuan yang jelas mengenai maksud agropelancongan serta bentuk aktiviti yang terlibat.

Selain itu, item berkaitan persepsi terhadap kesan positif agropelancongan kepada alam sekitar dan komuniti tempatan turut mencatatkan nilai min yang tinggi iaitu 3.88 (SP = 0.689), mencerminkan kesedaran responden terhadap manfaat agropelancongan dari sudut pembangunan dan kelestarian.

Walau bagaimanapun, tiga item mencatatkan skor min pada tahap sederhana, iaitu pemahaman mengenai kepentingan memelihara budaya dalam aktiviti agropelancongan (min = 3.48, SP = 0.931), kesedaran terhadap peranan komuniti tempatan dalam kejayaan agropelancongan (min = 3.26, SP = 1.157), serta pengetahuan tentang cara penglibatan dalam aktiviti agropelancongan (min = 3.42, SP = 0.835). Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun tahap pengetahuan asas adalah tinggi, pemahaman yang lebih mendalam berkaitan peranan dan kaedah penyertaan komuniti masih belum sepenuhnya mantap.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa komuniti Kampung Mesilou mempunyai tahap pengetahuan yang baik terhadap agropelancongan, khususnya dari segi konsep, aktiviti dan manfaatnya. Namun, aspek berkaitan peranan, penyertaan dan

pemeliharaan budaya memerlukan perhatian lanjut bagi memperkukuh kefahaman komuniti secara menyeluruh.

Jadual 2: Tahap Pengetahuan Responden Tentang Agropelancongan

Bil	Tahap pengetahuan komuniti tentang agropelancongan	Nilai (Min	SP	Tahap Pengetahuan
1	Saya tahu apa itu agropelancongan.	3.90	.678	Tinggi
2	Saya tahu aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam agropelancongan.	3.92	.778	Tinggi
3	Saya memahami kepentingan memelihara budaya dalam aktiviti agropelancongan.	3.48	.931	Sederhana
4	Agropelancongan boleh memberi kesan positif kepada alam sekitar dan komuniti setempat.	3.88	.689	Tinggi
5	saya sedar peranan komuniti tempatan dalam kejayaan agropelancongan.	3.26	1.157	Sederhana
6	Saya tahu bagaimana saya boleh terlibat dalam aktiviti agropelancongan.	3.42	.835	Sederhana
Purata		3.70	.845	Tinggi

Tahap Penerimaan Komuniti Tempatan Terhadap Agropelancongan

Berdasarkan Jadual 3, tahap penerimaan komuniti tempatan terhadap agropelancongan di Kampung Mesilou berada pada tahap tinggi, dengan nilai min keseluruhan 4.27 dan sisihan piawai 0.989. Dapatan ini menunjukkan bahawa secara umum komuniti setempat menerima dan menyokong pelaksanaan aktiviti agropelancongan di kawasan mereka.

Item yang mencatatkan nilai min tertinggi ialah “*Saya merasa bangga kerana kampung Mesilou terlibat dalam agropelancongan*” dengan min 4.40 (SP = 0.926), diikuti oleh item “*Saya berpuas hati dengan cara agropelancongan dijalankan di kampung ini*” dengan min 4.34 (SP = 0.917). Dapatan ini mencerminkan tahap kebanggaan dan kepuasan yang tinggi dalam kalangan komuniti terhadap penglibatan kampung mereka dalam sektor agropelancongan.

Selain itu, item berkaitan penerimaan umum terhadap aktiviti agropelancongan dan persepsi terhadap manfaat kepada kehidupan responden turut mencatatkan nilai min yang tinggi, masing-masing 4.26 (SP = 0.899) dan 4.26 (SP = 0.777). Ini menunjukkan bahawa komuniti bukan sahaja menerima kehadiran agropelancongan, malah melihatnya sebagai aktiviti yang membawa faedah kepada kesejahteraan mereka.

Walaupun semua item berada pada tahap tinggi, item “*Saya merasa selesa dengan kehadiran pelancong datang untuk aktiviti pelancongan*” mencatatkan nilai min paling rendah iaitu 4.12 (SP = 0.718). Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap keselesaan terhadap kehadiran pelancong adalah sedikit lebih rendah berbanding aspek penerimaan lain, walaupun masih berada dalam kategori penerimaan yang tinggi.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa komuniti Kampung Mesilou mempunyai tahap penerimaan yang sangat positif terhadap pembangunan agropelancongan, khususnya dari segi kebanggaan, kepuasan dan sokongan terhadap pelaksanaannya.

**Jadual 3: Tahap Penerimaan Komuniti Tempatan terhadap Agropelancongan
Kampung Mesilou.**

Bil	Tahap penerimaan komuniti terhadap agropelancongan	Nilai (Min)	Sisihan Piawaian	Tahap Penerimaan
1	Aktiviti agropelancongan diterima baik oleh komuniti di kampung Mesilou Kundasang, Sabah	4.26	.899	Tinggi
2	Saya berpuas hati dengan cara agropelancongan dijalankan di kampung ini	4.34	.917	Tinggi
3	Saya merasa bangga kerana kampung Mesilou terlibat dalam agropelancongan.	4.40	.926	Tinggi
4	Saya merasa selesa dengan kehadiran pelancong datang untuk aktiviti pelancongan.	4.12	.718	Tinggi
5	Komuniti di kampung Mesilou memberi sokongan penuh kepada aktiviti agropelancongan.	4.22	.790	Tinggi
6	Saya berasa agropelancongan membawa manfaat kepada kehidupan saya.	4.26	.777	Tinggi
	Purata	4.27	.989	Tinggi

Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa komuniti Kampung Mesilou mempunyai tahap pengetahuan dan penerimaan yang tinggi terhadap pembangunan agropelancongan, sekali gus mencerminkan kesediaan sosial yang positif untuk menyokong pelaksanaan pelancongan luar bandar secara mampan. Tahap pengetahuan komuniti yang tinggi terhadap konsep dan aktiviti agropelancongan menunjukkan bahawa aktiviti pertanian dan pelancongan telah menjadi sebahagian daripada rutin masyarakat setempat. Keadaan ini menyokong pandangan Rosniza Aznie Che Rose et al. (2015) bahawa komuniti luar bandar yang terlibat secara langsung dalam sektor pertanian lazimnya mempunyai kefahaman asas yang baik terhadap potensi pertanian sebagai produk pelancongan.

Walaupun bagaimanapun, dapatan kajian turut mendedahkan jurang penting dalam aspek pengetahuan yang perlu diberi perhatian. Walaupun komuniti memahami konsep dan manfaat agropelancongan, pengetahuan berkaitan pemeliharaan budaya, peranan komuniti serta kaedah penglibatan masih berada pada tahap sederhana. Jurang ini menunjukkan bahawa kefahaman komuniti lebih tertumpu kepada aspek ekonomi dan aktiviti pelancongan berbanding peranan mereka sebagai pemegang taruh utama dalam memelihara nilai budaya tempatan. Penemuan ini selari dengan Mahida (2023) yang menegaskan bahawa komuniti memerlukan sokongan berterusan dalam bentuk latihan dan bimbingan bagi meningkatkan penyertaan aktif dalam pelancongan berasaskan komuniti. Aririguzoh (2022) turut menyatakan bahawa kekurangan maklumat berkaitan mekanisme penglibatan dan manfaat jangka panjang berpotensi mengehadkan tahap penglibatan komuniti walaupun wujud sokongan awal terhadap pembangunan pelancongan.

Dari sudut penerimaan, tahap penerimaan komuniti yang sangat tinggi mencerminkan sokongan kukuh terhadap pelaksanaan agropelancongan di Kampung Mesilou, khususnya dari segi kepuasan terhadap pengurusan serta rasa bangga terhadap penglibatan kampung dalam sektor tersebut. Dapatan ini mengesahkan hujah Tola et al. (2024) bahawa penerimaan

komuniti merupakan elemen teras yang menentukan kejayaan dan kelestarian pembangunan agropelancongan. Sokongan komuniti yang positif ini turut menunjukkan bahawa pendekatan pelaksanaan yang diguna pakai adalah selari dengan keperluan dan jangkaan penduduk tempatan, sebagaimana ditegaskan oleh Yusuf dan Wulandari (2023) mengenai kepentingan pemeraksanaan komuniti dalam membina sokongan jangka panjang.

Namun demikian, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keselesaan komuniti terhadap kehadiran pelancong, walaupun masih berada pada tahap tinggi, merupakan aspek penerimaan yang paling rendah berbanding item lain. Keadaan ini menunjukkan kecenderungan awal bahawa peningkatan aktiviti pelancongan berpotensi menimbulkan kebimbangan sosial sekiranya tidak diurus secara sistematik. Penemuan ini menyokong pandangan Sirima (2023) bahawa kehadiran pelancong boleh memberi tekanan sosial dan mengganggu rutin komuniti sekiranya aspek pengurusan pelawat dan komunikasi tidak diberi perhatian sewajarnya.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang baik telah menyumbang secara langsung kepada penerimaan komuniti yang tinggi terhadap agropelancongan di Kampung Mesilou. Namun, bagi memastikan pembangunan agropelancongan yang benar-benar mampan, penekanan perlu diberikan kepada pengukuhan pengetahuan komuniti dalam aspek pemeliharaan budaya, peranan komuniti dan kaedah penyertaan yang lebih aktif. Selaras dengan pandangan Camocini et al. (2025), integrasi antara komuniti, budaya landskap dan kelestarian perlu dijadikan teras dalam perancangan agropelancongan agar manfaat ekonomi dapat dicapai tanpa menjejaskan identiti budaya dan kesejahteraan sosial komuniti setempat.

Kesimpulan dan Penutup

Kajian ini mendapati bahawa komuniti tempatan di Kampung Mesilou mempunyai tahap pengetahuan dan penerimaan yang tinggi terhadap pembangunan agropelancongan, sekali gus menyediakan asas sosial yang kukuh untuk pelaksanaan pelancongan luar bandar secara lestari. Tahap pengetahuan komuniti yang tinggi menunjukkan bahawa penduduk tempatan memahami konsep agropelancongan, aktiviti yang terlibat serta manfaatnya kepada aspek ekonomi, budaya dan alam sekitar. Keadaan ini memberi implikasi bahawa komuniti setempat berada dalam keadaan bersedia untuk menyokong pelaksanaan dan pengembangan agropelancongan secara berstruktur.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa pengetahuan berkaitan peranan komuniti, kaedah penyertaan dan pemeliharaan budaya masih berada pada tahap sederhana. Implikasi praktikal dapatan ini menunjukkan bahawa strategi pembangunan agropelancongan tidak boleh tertumpu kepada aspek ekonomi semata-mata, sebaliknya perlu disokong dengan program pendidikan, latihan dan pendedahan yang bertujuan memperkukuh kefahaman komuniti tentang peranan mereka sebagai pemegang taruh utama dalam pembangunan pelancongan. Tanpa pengukuhan aspek ini, penglibatan komuniti berisiko menjadi pasif dan terhad kepada penerimaan sahaja, bukan penyertaan aktif.

Dari sudut penerimaan, tahap penerimaan komuniti yang sangat tinggi mencerminkan sokongan kukuh terhadap pelaksanaan agropelancongan di Kampung Mesilou. Penerimaan yang positif ini memberi implikasi penting kepada pihak berkuasa tempatan dan pengusaha pelancongan bahawa pendekatan pembangunan yang melibatkan komuniti setempat adalah berkesan dan wajar diteruskan. Pada masa yang sama, dapatan mengenai tahap keselesaan

komuniti terhadap kehadiran pelancong yang relatif lebih rendah, walaupun masih berada pada kategori tinggi, menegaskan keperluan untuk merangka strategi pengurusan pelawat yang lebih sistematik bagi mengelakkan gangguan terhadap rutin dan kesejahteraan komuniti.

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan penerimaan komuniti memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju dan keberkesanan strategi pembangunan agropelancongan. Tahap pengetahuan yang baik menyokong penerimaan yang positif, manakala penerimaan yang tinggi membuka ruang kepada pelaksanaan strategi pembangunan yang lebih inklusif dan lestari. Oleh itu, pembangunan agropelancongan di Kampung Mesilou perlu menekankan pendekatan berasaskan komuniti yang mengintegrasikan pendidikan, pemerkasaan komuniti dan pengurusan pelancong secara bersepadu.

Kajian ini memberi implikasi praktikal kepada penggubal dasar, pihak berkuasa tempatan dan pengusaha pelancongan untuk merangka dasar dan strategi pembangunan agropelancongan yang berteraskan komuniti, dengan memberi tumpuan kepada peningkatan pengetahuan, penyertaan aktif komuniti dan pemeliharaan nilai budaya tempatan. Dengan sokongan komuniti yang kukuh serta sumber pertanian yang melimpah, Kampung Mesilou berpotensi besar untuk dibangunkan sebagai destinasi agropelancongan tanah tinggi yang berdaya saing dan lestari di Sabah.

Penghargaan

Para penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada komuniti Kampung Mesilou, Kundasang, Sabah atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang proses pengumpulan data bagi kajian ini. Penghargaan turut ditujukan kepada rakan-rakan pensyarah dan pihak Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK) Universiti Malaysia Kelantan atas bantuan serta pandangan yang diberikan sepanjang penulisan artikel ini. Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan luar dan telah dibiayai sepenuhnya oleh para penulis.

Rujukan

- Agricultural Marketing Resource Center. (2021). *Agritourism*. Retrieved 2023, from <https://www.agmrc.org/foodsystems/agritourism>
- Aririguzoh, S. (2022). Community knowledge and participation in rural tourism development. *Journal of Tourism Studies*, 15(2), 1–12.
- Bhattacharjee, A. (2012). *Social science research: Principles, methods, and practices*. University of South Florida.
- Camocini, B., Esposito, G., & Romano, F. (2025). Landscape culture, sustainability and community participation in rural tourism. *Sustainability*, 17(5), 1–12.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). Sage.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (5th ed.). Sage.
- Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2024). *Regional Tourism Satellite Account (RTSA) Sabah 2023*. Putrajaya: DOSM.
- Dillman, D. A., Smyth, J. D., & Christian, L. M. (2014). *Survey methodology* (2nd ed.). Wiley.
- Etikan, I., & Bala, K. (2017). Sampling methods in research methodology. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(2), 216–222.
- Ismail, N., Jusoh, H., & Bakar, N. A. (2023). Tourist preferences for nature-based and agro-experiential tourism post-COVID-19. *Journal of Tourism & Recreation*.

- Jaunis, O., Mojiol, A. R., & Kodoh, J. (2022). Agrotourism in Malaysia: A review on concept, development, challenges and benefits. *Transactions on Science and Technology*, 9(2), 77–85.*
- Laben, J., et al. (2025). Rural Tourism in Kiulu, Sabah, Malaysia: A Critical Examination through the Lens of the Host Community. *Research Publication*
- Langkawi Development Authority. (2022). Visitor arrivals 2022 – Statistics. Retrieved [April, 2023], from <https://www.lada.gov.my/en/statistics/>
- Lew, J. 2021. Top 8 Agritourism Destinations in the World. <https://www.treehugger.com/top-agritourism-destinations-in-the-world-4869255> pada 15 November 2021
- Mahida, M. (2023). Community awareness and participation in agro-tourism development in India. *Journal of Rural Development*, 42(3), 325–335.
- MOTAC. (2024). *Tourism Statistics Malaysia 2024*. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia.
- Pallant, J. (2011). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using SPSS* (4th ed.). McGraw-Hill.
- Pallant, J. (2020). *SPSS survival manual* (7th ed.). McGraw-Hill Education.
- Rosniza Aznie Che Rose, Ramli Ayub, & Mohd Arif Hj. Ismail. (2015). Agro-tourism in Malaysia: Concept and community involvement. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(3), 1–12.
- Sabah Tourism Board. (2025). *Visitor Arrivals January–August 2025*.
- Sarah. 2017. A hidden gem near Taroko Gorge, Taiwan: The Sialin Coffee Farm Homestay, Xiulin satisfaction and revisit intentions: The case of mountain tourism in Malaysia. *Journal of Satisfaction, Front Psychol*.
- Shimomae, Y. 2019. Xiong Kong Tea Plantation <https://www.yoheishimomae.com/posts/2019/3/24/taipei-tea-farms> pada 8 feb 2022.
- Sirima, A. (2023). Perceptions of local communities on tourism impacts. *Tourism Management Perspectives*, 45, 334–341.
- Tola, D., Ibrahim, M., & Wariyo, B. (2024). Local acceptance in agro-tourism initiatives: A community-based assessment. *Journal of Sustainable Tourism*, 32(1), 1–15.
- Wong, C. H., et al. (2024). The effect of natural environment, tourism infrastructure, perceived social benefit and perceived barriers on residents' attitude towards agrotourism in Seremban, Malaysia. *Journal of Infrastructure, Policy and Development*.
- Yusuf, R., & Wulandari, T. (2023). Empowerment and participation in rural tourism. *International Journal of Tourism Research*, 25(4), 4028–4035. <https://www.maeps.com.my/agro-tourism/about-agro-tourism> pada 1 Januari 2022.